

# Penang SME Go Digital tawar geran RM1,000 bantu PKS

**George Town:** Kerajaan Pulau Pinang melancarkan kempen *Penang SME Go Digital* bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Digital Penang, Tony Yeoh berkata, antara faedah yang ditawarkan oleh kempen itu termasuk geran *one-off* sebanyak RM1,000 yang bertujuan untuk membantu PKS kembali ke landasan di tengah-tengah tempoh pandemik yang mencabar ini.

PKS akan layak menerima geran *one-off* bagi mengimbangi kos jualan untuk pasaran perniagaan ke per-

niagaan menerusi kempen ini yang merupakan usaha sama antara kerajaan negeri dan Digital Penang.

“PKS boleh mendapatkan tawaran menarik dengan rakan strategik kami seperti Facebook, Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, Averest, Maxis, Digi Telecommunications, E3Hubs dan Sitegiant Sdn Bhd sepanjang kempen selama dua bulan yang bermula bulan depan.

“Dengan baucar tunai, pengecualian yuran dan diskaun sehingga 50 peratus, saya menggalakkan PKS mengambil peluang menerusi kempen ini dan cuba

menjual menerusi dalam talian,” ucapnya ketika melancarkan kempen itu, semalam.

Yeoh berkata, menerusi kempen itu, PKS juga boleh menggunakan geran Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) sehingga RM5,000 untuk jualan dalam talian.

“Bagi PKS yang berminat untuk memulakan perjalanan pendigitalan mereka, persoalan terbesar mungkin adalah ‘di mana mahu bermula’? Kempen Penang Go Digital dirancang untuk membantu PKS menjawab persoalan ini,” katanya.  
- Bernama